Chang Wing Kai dan satu lagi lwn Pentadbir Tanah Kuala Lumpur

HIGH COURT (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO S7–21–205 TAHUN 2004
AZMAN ABDULLAH PK
29 MAY 2008

Keterangan — Afidavit — Keterangan afidavit — Perkara-perkara yang dideposkan bukan dari pengetahuan sendiri deponen — Sama ada cakap dengar dan tidak boleh diterimapakai — Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 41 k 5

Prosedur Sivil — Afidavit — Kapasiti deponen — Perkara-perkara yang dideposkan bukan dari pengetahuan sendiri deponen — Sama ada cakap dengar dan tidak boleh diterimapakai — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 41 k 5

Tort — Kecuaian — Tindakan yang dilakukan dalam menjalankan kewajipan atau kuasa-kuasa awam — Kecuaian pentadbir tanah dalam membayar wang pampasan pengambilan tanah kepada penyamar — Sama ada pentadbir tanah mempunyai kewajipan berjaga-jaga — Sama ada pentadbir tanah gagal menjelaskan bagaimana pembayaran boleh dibuat kepada penyamar — Sama ada pegawai-pegawai dan kakitangan pentadbir tanah perlu menanggung atas kerugian tuantanah

Undang-Undang Pentadbiran — Pelaksanaan kuasa-kuasa pentadbiran — Pengambilan tanah — Kewajipan berjaga dalam melaksanakan kuasa-kuasa pentadbiran — Kecuaian pentadbir tanah dalam membayar wang pampasan pengambilan tanah kepada penyamar — Sama ada pentadbir tanah mempunyai kewajipan berjaga-jaga — Sama ada pentadbir tanah gagal menjelaskan bagaimana pembayaran boleh dibuat kepada penyamar — Sama ada pegawai-pegawai dan kakitangan pentadbir tanah perlu menanggung kerugian tuantanah

Plaintif-plaintif adalah pentadbir bersama harta pusaka mendiang ayah mereka Chan Yue Hay (Kad Pengenalan Kertas: DL 142624) yang merupakan pemilik benefisial kepada sebidang tanah. Plaintif-plaintif

menyatakan bahawa defendan secara cuai telah melepaskan wang pampasan sebanyak RM350,472.58 milik mendiang bapa mereka kepada seorang penyamar bernama Chan Yue Hay (No K/P: 250625-01-4309 lama; 01277543) pada 25 Mac 1999. Bapa plaintif-plaintif telah meninggal dunia pada 25 Mac 1999. Plaintif-plaintif juga menyatakan mereka tidak pernah diberitahu mengenai pengambilan tanah tersebut. Wang pampasan yang disimpan di Mahkamah Tinggi telah diambil balik oleh defendan dan dibayar kepada penyamar itu walaupun nombor kad pengenalannya adalah tidak sama dengan nombor kad pengenalan mendiang ayah plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif telah melalui tindakan ini menuntut supaya wang pampasan tersebut dibayar oleh defendan kepada plaintif-plaintif.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif-plaintif dengan kos:

(1) Pihak defendan yang mempunyai kepakaran akan urusan seharian jika dibandingkan dengan orang awam. Oleh itu defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga dan tidak boleh memberi pembelaan bahawa mereka juga tertipu dengan penyamar itu. Pegawai-pegawai dan kakitangan defendan dikehendaki bertanggungan atas kerugian yang dialami oleh plaintif (lihat perenggan 10).

(2) Tiada afidavit oleh orang yang sebenarnya mengetahui kejadian bagaimana penipuan/penyamaran boleh berlaku pada hari tersebut. Afidavit yang dikemukakan oleh defendan adalah oleh pegawai defendan yang hanya mendeposkan afidavit secara 'dengar cakap' dan tidak boleh diterima. Deponen sesuatu afidavit yang digunakan untuk menyokong hanya boleh mengangkat sumpah suatu afidavit tentang fakta yang boleh dibuktikannya sendiri dari pengetahuan dirinya (lihat perenggan 17 & 19).

(3) Pihak defendan bukan sahaja gagal untuk menjelaskan bagaimana kad pengenalan yang palsu boleh digunakan untuk menipu pegawainya, malah bagaimana boleh dikatakan yang penyamar tersebut boleh kemukakan suratan hak milik asal tanah tersebut apabila geran tanah asal berada dengan plaintif-plaintif (lihat perenggan 23).

[English summary

The plaintiffs were the joint administrators for the estate of their late father Chan Yue Hay (Paper Identity Card: DL 142624) who was the beneficial owner of a piece of land. The plaintiffs stated that the defendant had negligently released compensation money amounting to RM350,472.58 belonging to their late father to an impostor called Chan Yue Hay (IC No: 250625-01-4309; old 01277543) on 25 March 1999. The plaintiffs' father died on 25 March 1999. The plaintiffs also stated that they were never

informed about the acquisition of the land. The compensation money which was kept at the High Court had been taken back by the defendant and paid to the impostor although his identity card number was different from the identity card number of the plaintiffs' late father. Therefore, the plaintiffs by this action were claiming for the compensation money to be paid by the defendant to the plaintiffs.

Held, allowing the plaintiffs' claim with costs:

(1) The defendant possesses the expertise on the daily business compared to the public. As such the defendant has the duty of care and could not defend by stating that they were also cheated by the impostor. The defendant's officials and staffs were required to be responsible for the losses incurred by the plaintiffs (see para 10).

(2) No affidavit by a person with actual knowledge of the incident as to how the fraud/disguise could take place on that day. The affidavit tendered by the defendant was by the defendant's officer who merely deposed an affidavit by way of 'hearsay' and inadmissible. A deponent of an affidavit to be used to support could only swear an affidavit of the facts that he himself could prove based on his own personal knowledge (see paras 17 & 19).

(3) The defendant had not only failed to explain how the false identity card could be used to cheat his officer, but also, how it could be said that the impostor could produce the original title of the land when the original title of the land was with the plaintiffs (see para 23).]

Nota-nota

1 Untuk kes mengenai kapasiti deponen, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 362.

2 Untuk kes-kes mengenai keterangan afidavit, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed 2006 Reissue) perenggan 241–247.

3 Untuk kes-kes mengenai pengambilan tanah, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 74–77.

4 Untuk kes mengenai tindakan yang dilakukan dalam menjalankan kewajipan atau kuasa-kuasa awam, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 870.

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Halim bin Abdul Hanan & Ors v Pengarah Penjara, Taiping & Ors [1996] 4 MLJ 54, MT (dirujuk)

Ewe Keok Neoh v Ooi Soon Tin & Ors [1926] 2 MC 107 (dirujuk)

A *Ministry of Housing and Local Government v Sharp & Anor* [1970] 2 QB 223, MR (dirujuk)
Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-Kereta Motor, Melaka & Ors v KS South Motor Sdn Bhd [2000] 2 MLJ 540, MR (dirujuk)

B **Undang-undang yang dirujuk**
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 16, A 16 k 1, A 41 k 5(1)

Inderjit Singh (B Inderjit Singh) bagi pihak plaintif.
Ab Karim bin Ab Rahman (Peguam Kanan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan.
C

Azman Abdullah PK:

PENGENALAN

D

[1] Plaintif-plaintif adalah pentadbir bersama harta pusaka mendiang ayahnya Chan Yue Hay (kad pengenalan kertas; DL 142624) yang merupakan pemilik benefisial kepada hartanah GM1223 Lot 843, Mukim Kuala Lumpur, Daerah Wilayah Persekutuan, dahulu EMR 2109, Lot 843,
E Mukim Kuala Lumpur ('tanah tersebut'). Manakala defendan pula adalah Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

[2] Pihak plaintif menyatakan bahawa pihak defendan secara cuai telah melepaskan wang pampasan sebanyak RM350,472.58 milik mendiang
F bapanya kepada seorang penyamar bernama Chan Yue Hay (No K/P: 250625–01–4309 lama; 01277543) pada 25 Mac 1999. Bapa plaintif-plaintif telah meninggal dunia pada 25 Mac 1999 lagi.

[3] Plaintif-plaintif juga menyatakan mereka tidak pernah diberitahu
G mengenai pengambilan tanah ini. Tiada sebarang borang pun diserahkan kepada mereka. Wang pampasan yang disimpan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah diambil balik oleh defendan dan membayar kepada penyamar itu walaupun nombor kad pengenalan adalah tidak sama dengan nombor kad pengenalan mendiang ayah plaintif-plaintif.

H

[4] Oleh kerana plaintif-plaintif telah tidak berpuas hati bagaimana defendan boleh membuat kesilapan dengan membayar wang pampasan kepada penyamar tersebut sedangkan orang yang sebenar telah lama meninggal dunia.
I

[5] Plaintif–plaintif telah memfailkan saman pemula di lampiran 1, dan menuntut terhadap defendan iaitu:

(a) Satu perintah deklarasi bahawa plaintif-plaintif sebagai pentadbir

bersama harta pusaka Chan Yue Hay adalah pemilik benefisial kepada hartanah GM1223 lot 843, Mukim Kuala Lumpur, Daerah Wilayah Persekutuan (dahulu EMR 2109, Lot 843, Mukim Kuala Lumpur).

(b) Wang pampasan sebanyak RM350,472.58 dibayar kepada plaintif-plaintif sebagai pentadbir bersama harta pusaka Chan Yue Hay.

(c) Faedah atas jumlah tersebut sebanyak 8% setahun mulai 25 Mac 1999 sehingga tarikh penyelesaian.

[6] Mahkamah setelah meneliti afidavit dan hujahan bertulis kedua-dua belah pihak telah membenarkan tuntutan plaintif-plaintif. Di bawah ini mahkamah akan memberi alasan kepada keputusannya itu.

ANTARA ISU-ISU YANG DITELITI OLEH MAHKAMAH

Kewajipan berjaga-jaga oleh defendan

[7] Adalah tidak dinafikan oleh kedua-dua pihak bahawa penyamar yang menuntut wang pampasan dari pihak defendan dengan membawa kad pengenalan yang tidak pernah wujud dan tidak sah. Ini dibuktikan oleh pihak plaintif di dalam afidavit sokongan di lampiran 2 bertanda 'P7 A-B'. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara melalui dua suratnya bertarikh 27 Ogos 2004 dan 2 September 2004 kepada peguam plaintif mengesahkan sebagai;

Surat pertama (bertarikh 27 Ogos 2004):

> Dukacita dimaklumkan, setelah semakan dibuat dengan Daftar Rekod Kad Pengenalan, didapati kad pengenalan no 250625-01-4309 TIDAK PERNAH dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia. Sebarang penggunaan ke atas nombor kad pengenalan tersebut adalah tidak sah. Oleh itu JPN tidak dapat membekalkan maklumat sepertimana yang diminta.

Surat kedua (bertarikh 2 September 2004):

> Tuan/Puan,
>
> PENGESAHAN KAD PENGENALAN
>
> NAMA: CHAN YUE HAY (NO KP 0127543)
>
> Adalah saya dengan hormatnya …
>
> 2. Dimaklumkan setelah semakan dibuat dari Daftar Rekod Ibu Pejabat kami didapati kad Pengenalan NO 0127543 adalah BUKAN KEPUNYAAN penama di atas.

[8] Dari kedua-dua surat ini adalah jelas bahawa penyamar yang telah menggunakan kad pengenalan palsu dan telah dapat memohon untuk mengeluarkan wang pampasan milik orang yang telah meninggal dunia.

[9] Mahkamah ini berkeputusan bahawa tanggungjawab adalah terletak kepada pihak defendan untuk berhati-hati dan dalam urusan sehariannya dan menggunakan kepakaran dan pengalaman mereka untuk menjaga kepentingan pelanggannya iaitu orang awam seperti plaintif.

[10] Saya juga berpendapat pihak defendan yang mempunyai kepakaran akan urusan seharian jika dibandingkan dengan orang awam. Oleh itu defendan mempunyai kewajipan berjaga-jaga dan tidak boleh memberi pembelaan bahawa mereka juga tertipu dengan penyamar itu. Pegawai-pegawai dan kakitangan defendan dikehendaki bertanggungan atas kerugian yang dialami oleh plaintif. Jika pihak defendan terlampau dilindungi dan tidak mempunyai sebarang akauntibiliti atas kerugian pelanggannya, maka pihak defendan seolah-olah dilihat diberi keistimewaan perlindungan dari boleh disaman atas kecuaiannya.

[11] Di dalam kes Mahkamah Rayuan Malaysia iaitu kes *Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-Kereta Motor, Melaka & Ors v KS South Motor Sdn Bhd* [2000] 2 MLJ 540, yang mana mempunyai fakta yang agak sama, di mana pihak pendaftar dan pemeriksa kereta-kereta motor Melaka telah cuba meletakkan kesalahan kepada penceroboh daftar maklumat fail-fail yang dikawal oleh mereka oleh itu pihak plaintif iaitu orang awam yang juga merupakan pelanggan mereka tidak boleh meletakkan tanggungjawab kepada pihak perayu/defendan.

[12] Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa pihak perayu/defendan tiada alasan diberikan tentang bagaimana dokumen yang dipalsukan dijumpai pada daftar perayu-perayu dan mahkamah hanya boleh membuat kesimpulan bahawa telah berlakunya salah urusan dan kecuaian yang ketara. Perayu-perayu mestilah bertanggungjawab atas pengabaian dalam kewajipan ini.

[13] Dato' Siti Norma H, selanjutnya menambah:

> Likewise on the facts of the instant appeal, although we acknowledge that the forged documents were done by person or persons unknown, the fact that not only such forged documents found their way into the registries of the first and second appellants, but that they replaced legitimate files originally maintained by them, indicate that there had been gross mismanagement and negligence. We are also informed that this is not an isolated case but that there had been wide transgression and that this appeal is the forerunner of more cases to come before the courts. No reason was given how this could have happened and we can only conclude that the

day-to-day operations at the registries of the first and second appellants have not been conducted properly or professionally. The first and second appellants must be made accountable. It is our opinion that the law should be that registers maintained by them must contain accurate particulars of all vehicles registered by them. This is essential for the good working of the register system as owners of motor vehicles or anybody else involved in the motor trade conduct searches on the registers on payment of a fee and clearly a duty to take care must exist in such a case. See the case of *Ministry of Housing and Local Government v Sharp & Anor*.

[14] Malah Mahkamah Rayuan memutuskan walaupun terdapat cubaan untuk pihak perayu/defendan mengelak dari bertanggungjawab dengan meletakkan amaran dislip maklumat yang dikeluarkan seperti berikut '*pemilik berdaftar ialah orang yang menyimpan kereta itu. Ia boleh jadi atau tidak pemilik sah bagi kereta itu*.' tetapi mahkamah masih memutuskan pihak perayu adalah bertanggungjawab dan pernyataan pengecualian ini tidak melindungi tanggungjawab pihak perayu.

[15] Mahkamah Rayuan ada merujuk pada satu kes Inggeris, iaitu di dalam kes *Ministry of Housing and Local Government v Sharp & Anor* [1970] 2 QB 223, diputuskan pihak kerajaan tempatan yang bertanggungjawab atas kesilapan keraninya:

In finding the registrar liable, the court at p 266 of the report then adopted the following:

> He must answer for the mistakes of the clerk and make compensation for the loss. He is a public officer and comes within the settled principle of English law that when an official duty is laid on a public officer, by statute or by common law, then he is personally responsible for seeing that the duty is carried out. He may and often does, get a clerk or minor official, to do the duty for him, but, if so, he is answerable for the transgression of the subordinate... Sometimes it is an absolute duty, in which case he must see that it is performed absolutely. At other times it is only a duty to use due diligence, in which case he must see that due diligence is used. But, in any event, if the duty is broken, and injury done thereby to one of the public, then the public officer is answerable. The injured person can sue him in the civil courts for compensation. ... By law he is responsible. He will, of course, if he is wise, insure himself against his liability: or get the Government to stand by him. But liable he is — to the person injured.

[16] Di dalam kes kita pada hari ini, maklumat kematian Chan Yue Hay @ Chan Yee Hee pernah dimaklumkan kepada pihak defendan di dalam kes pengambilan tanah si mati sebelum ini di sekitar tahun 1987. Pihak plaintif ada mengeksibitkan afidavit (lampiran 2) P8 oleh emak plaintif. Selain dari afidavit tersebut terdapat beberapa surat yang memaklumkan akan kematian Chan Yue Hay oleh isterinya. Mahkamah dapat menerima alasan pihak defendan bahawa tidak terdapat pengetahuan oleh pegawai defendan yang

mengendalikan kes hari ini bahawa terdapat pengambilan tanah si mati sebelum ini. Namun untuk tidak berhati-hati sehingga boleh terpedaya oleh sipenyamar adalah tidak boleh untuk defendan melepas tangan kerana orang lain tidak mengetahui apa yang benar-benar terjadi.

Afidavit balasan defendan gagal menjelaskan isu fakta utama

[17] Satu isu lagi yang agak penting ialah tiada afidavit oleh orang yang sebenarnya mengetahui kejadian bagaimana penipuan/penyamaran boleh berlaku pada hari tersebut. Afidavit yang dikemukakan oleh defendan adalah oleh pegawai defendan yang hanya mendeposkan afidavit secara 'dengar cakap' dan tidak boleh diterima.

[18] Untuk isu ini, izinkan saya memberi sedikit kronologi fakta kes

(a) Pada 11 Februari 1999 perintah telah diberi oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas permohonan ex parte oleh pihak defendan (sila lihat afidavit balasan defendan 12 — NBZ9) di mana pihak defendan mendepositkan wang pampasan atas alasan tuanpunya tidak dapat dikesan. Mengikut minit catitan di NBZ10.

(b) Pada 19 Februari 1999 penyamar telah datang di hadapan pegawai defendan dan mengaku sebagai Chan Yue Hay. Di lihat kepada surat yang ditulis oleh penyamar itu bertarikh 2 Mac 1999 (NBZ13) pegawai defendan yang berjumpa dengan penyamar pada 19 Februari 1999 adalah bernama En Alias bin Shaari.

[19] Afidavit balasan dan afidavit balasan 1 telah diikrarkan oleh pegawai defendan bernama Nazli bin Zainal (lampiran 12 dan 16) masing-masing bertarikh 3 Mei 2005 dan 24 Mei 2005 bukannya oleh En Alias bin Shaari. En Nazli bin Zainal tidak boleh menyatakan di dalam afidavit balasan 1 yang beliau mengetahui fakta-fakta di perenggan 3, yang nyatakan fakta tersebut hanya boleh diikrarkan oleh pegawai yang bertemu dengan penyamar tersebut. Di bawah A 41 k 5(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT itu'), deponen sesuatu afidavit yang digunakan untuk menyokong hanya boleh mengangkat sumpah suatu afidavit tentang fakta yang boleh dibuktikannya sendiri dari pengetahuan dirinya.

[20] Mahkamah ini hanya berpeluang meneliti keterangan melalui afidavit sahaja di dalam tindakan melalui saman pemula ini, ianya berbeza dengan tindakan writ di mana saksi-saksi akan dipanggil memberi keterangan di hadapan mahkamah. Di dalam kes *Abdul Halim bin Abdul Hanan & Ors v Pengarah Penjara, Taiping & Ors* [1996] 4 MLJ 54 diputuskan bahawa oleh kerana peguam plaintif bukan seorang banduan di Penjara Taiping pada masa

yang berkenaan itu, dia tidak dapat mendeposkan bahawa fakta-fakta yang didakwa telah berlaku dalam penjara itu.

[21] Oleh itu tidak ada satu penjelasan langsung bagaimana boleh pihak pegawai defendan bernama En Alias bin Shaari tertipu dengan penyamaran ini. Jika ada pakatan dalaman untuk mengambil wang-wang pampasan yang tidak dituntut di kalangan pihak ketiga dengan pegawai defendan tidak ada siapa yang dapat menafikannya setakat ini di pihak defendan.

[22] Malah di dalam kes *Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-Kereta Motor Melaka* yang dirujuk awal tadi, Hakim Siti Norma memberi teguran akan kegagalan pihak perayu yang juga badan kerajaan gagal untuk memberi sebab kenapa boleh berlaku pencerobohan maklumat di dalam jabatan kerajaan itu dan pihak tersebut mesti bertanggungjawab dan tidak sewenang-wenang mengeluh yang mereka ditipu atau diperdayakan:

> No reason was given how this could have happened and we can only conclude that the day-to-day operations at the registries of the first and second appellants have not been conducted properly or professionally. The first and second appellants must be made accountable.

[23] Pihak defendan bukan sahaja gagal untuk menjelaskan bagaimana kad pengenalan yang palsu boleh digunakan untuk menipu pegawainya, malah bagaimana boleh dikatakan yang penyamar tersebut boleh kemukakan suratan hak milik asal tanah tersebut apabila plaintif-plaintif menyatakan geran tanah asal berada dengan plaintif. Adalah juga secara kebetulan selepas seminggu perintah wang pampasan didepositkan ke mahkamah diberikan (lihat Perintah Mahkamah Tinggi S3–21–204 Tahun 1998 NBZ9) tiba-tiba muncul kononnya tuanpunya tanah hendak menuntut duit tersebut dan permohonan sekali lagi untuk notis pemberhentian dipohon oleh defendan kepada mahkamah (lihat NBZ14).

Tiada tindakan ke atas pihak ketiga atas isu nombor kad pengenalan:

[24] Cek yang dikeluarkan oleh pihak pembayar iaitu Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM) terdapat kesilapan daripada apa yang diarahkan oleh pihak defendan kepada LLM. Namun begitu dilihat pada surat dari LLM bertarikh 24 Mac 1999 kepada defendan NBZ2 lampiran 16, ternyata cek di atas nama Chan Yue Hay dengan nombor kad pengenalan 250625–10–4309 dihantar kepada pihak defendan dan barulah defendan memberikannya kepada penyamar.

[25] Begitu juga dengan pihak bank yang membenarkan pembayaran walaupun terdapat kesilapan di dalam nombor kad pengenalan di atas cek tersebut pihak bank masih melepaskan pembayarannya.

[26] Mahkamah berkeputusan bahawa defendan mempunyai hak untuk mendapatkan sumbangan (contribution) atau tanggung rugi (indemnity) atau relief atau remedi lain di bawah A 16 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT 1980') dengan membawa pihak bank dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia sebagai pihak ketiga, tetapi oleh kerana defendan tidak memilih peluang ini, mahkamah mengangap defendan bertanggungan ke atas plaintif sepenuhnnya oleh sebab defendan yang mempunyai pengetahuan dan di bawah kawalan defendan.

[27] Mengikut A 16 k 1 KMT 1980 diperuntukkan:

1(1) Jika dalam apa-apa tindakan, seorang defendan yang telah memasukkan kehadiran —

(a) menuntut apa-apa sumbangan atau tanggung rugi daripada seseorang yang belum lagi menjadi pihak dalam tindakan itu; atau

(b) menuntut apa-apa relief atau remedi daripada seseorang yang sedemikian berhubungan dengan atau berkaitan dengan hal-perkara asal bagi tindakan itu dan pada keseluruhan relief atau remedi yang dituntut sama sahaja dengan setengah-setengah relief atau remedi yang dituntut atau remedi yang dituntut oleh plaintif; atau

(c) berkehendakkan bahawa apa-apa soalan atau isu yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan hal-perkara asal bagi tindakan itu patut diputuskan bukan sahaja di antara plaintif dengan defendan tetapi juga di antara salah seorang atau kedua-duanya daripada mereka itu dengan seseorang yang belum lagi menjadi pihak dalam tindakan itu,

[28] Di dalam kes *Ewe Keok Neoh v Ooi Soon Tin & Ors* [1926] 2 MC 107, permohonan dibuat oleh defendan-defendan untuk arahan ke atas pengeluaran notis pihak ketiga terhadap co-defendan. Tindakan ini adalah ke atas kesemua defendan-defendan untuk satu cek yang ditandatangani oleh mereka sebagai pemegang amanah bersama dan pihak defendan menyatakan bahawa cek tersebut telah diletakkan di bawah kepercayaan pihak co-defendan dengan beberapa syarat, tetapi pihak co-defendan telah menggunakan cek tersebut dan pihak-pihak defendan meminta mahkamah memberi perintah kepada defendan dan ditanggung rugi oleh co-defendan. Mahkamah telah memutuskan ini adalah kes yang jelas di mana timbul isu notis pihak ketiga terhadap co-defendan.

[29] Oleh itu pihak defendan masih lagi mempunyai kawalah ke atas cek pembayaran tersebut sebelum diserahkan kepada penyamar, jika diambil langkah-langkah berjaga-jaga mereka boleh mengesan nombor kad pengenalan yang silap itu atau jika pihak defendan berhujah Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia dan bank yang cuai, sepatutnya kedua-dua pihak ini patut dijadikan oleh defendan sebagai pihak ketiga mengikut A 16 k 1 KMT 1980.

[30] Atas alasan-alasan ini saya membenarkan tuntutan plaintif di lampiran 1 dengan kos.

Tuntutan plaintif -plaintif dibenarkan dengan kos.

Reported by Kanesh Sundrum